



# MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

## SEMPENA

PROGRAM "WANITA INSPIRASI WANITA" ANJURAN  
AHLI MAJLIS MPSP

## OLEH

YANG BERHORMAT SENATOR DATO' HAJI MARZUKI  
BIN YAHYA  
**TIMBALAN MENTERI LUAR NEGERI**

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**14 OKTOBER 2018 (AHAD)**  
**2.00 PETANG**

**AUDITORIUM MPSP DAN PERKARANGAN LOBI MPSP**  
**BANDAR PERDA**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Senator Dato' Haji Marzuki Bin Yahya**

Timbalan Menteri Luar Negeri

**Yang Dihormati Puan Marshidaliza Binti Marzuki**

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai

Merangkap Penganjur Program "Wanita Inspirasi Wanita"

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod**

Puan Setiausaha Perbandaran

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Puan Noor Hafiza Binti Ismail**

Ketua Unit Pembiayaan MARA Pulau Pinang

**Cik Massuri Binti Hussin**

Penolong Pengurus Kanan

Pembangunan Usahawan Penang Regional Development Authority  
(PERDA)

**Cik Azila Binti Mahmood**

Usahawan Wanita [Produk Kerepek Bronis]

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

-----

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

.....

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama berkumpul pada petang ini dalam Program “Wanita Inspirasi Wanita” Anjuran Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato’ Haji Marzuki Bin Yahya, Timbalan Menteri Luar Negeri, Ahli-Ahli Majlis MPSP dan para hadirin sekalian kerana sudi meluangkan masa untuk hadir melibatkan diri dalam program pada petang ini. Sesungguhnya kehadiran Yang Berhormat Senator, Tuan-Tuan dan Puan-Puan amat besar ertinya kepada kami semua.

Tidak ketinggalan juga saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Dihormati Puan Marshidaliza Binti Marzuki, Ahli Majlis MPSP yang telah menganjurkan dan menjayakan program ini.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

Kita semua sedia maklum bahawa Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow telah melancarkan Penang 2030 pada 29 Ogos 2018 dengan wawasan Pulau Pinang Pintar, Hijau dan Mesra Keluarga (*A Family-Focused Green and Smart City*) yang terdiri daripada empat (4) objektif utama iaitu meningkatkan taraf hidup serta kualiti hidup penduduk; mengembangkan saiz ekonomi demi meningkatkan pendapatan isi rumah; memperkasakan rakyat demi mengukuhkan sistem masyarakat sivil; dan pelaburan kerajaan negeri dalam pembangunan alam semula jadi agar lebih berdaya tahan. Adalah jelas bahawa Penang 2030 merupakan suatu gagasan berwawasan, realistik, praktikal dan berpaksikan rakyat.

Wawasan Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah untuk mewujudkan Pulau Pinang yang berdaya huni di mana rakyat dari segenap lapisan masyarakat dapat hidup dengan sejahtera, dengan meraikan kebebasan dan kepelbagaian, seni dan budaya dalam sebuah bandaraya kosmopolitan, mengukuhkan komuniti yang bersih, hijau, selamat dan sihat serta menambahbaik jaringan perhubungan selaras dengan ekonomi digital masa depan.

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) komited dan memberi sokongan padu kepada Penang 2030 dan telah mengisytiharkan Bajet MPSP 2019 bertemakan *People Centric Budget*. MPSP amat menggalakkan penyertaan masyarakat dalam membuat keputusan untuk program-program pembangunan serta meningkatkan kesedaran kepada orang ramai dalam menggalakkan perubahan tingkah laku, sikap dan gaya hidup dan seterusnya berusaha ke arah kehidupan yang mampan.

Sebagai sebuah organisasi berorientasikan rakyat atau "*people centric organization*", MPSP memastikan bahawa setiap sen yang dibelanjakan memberi manfaat dan kemudahan kepada semua lapisan masyarakat. Keutamaan diberikan kepada remaja dan warga emas bagi membina masyarakat bukan sahaja mencintai alam sekitar malahan masyarakat yang menyayangi sesama insan termasuk haiwan serta tumbuh-tumbuhan.

MPSP mengarus perdanakan penyediaan bajet mengikut pendekatan Bajet Responsif Gender dan Partisipatori atau *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) sejak tahun 2012. Pelaksanaan GRPB membuktikan kesungguhan MPSP dalam memastikan kesaksamaan gender dalam setiap program pembangunan. Terdapat banyak perubahan positif telah diperolehi daripada pelaksanaan GRPB seperti kebajikan

kakitangan wanita di MPSP telah ditambahbaik iaitu penyediaan dua belas (12) tempat letak kereta bagi wanita mengandung, tiga puluh (30) tempat letak kereta bagi ibu yang membawa anak untuk dihantar ke tadika yang terdapat di Menara MPSP dan penyediaan bilik laktasi untuk kegunaan orang awam atau kakitangan wanita di MPSP. Kemudahan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) juga telah ditiitikberatkan seperti kemudahan tandas di Kaunter Berpusat, penyediaan *railing*, penyediaan tempat letak kereta OKU dan lain-lain.

Dalam merangka dan menyediakan Bajet Tahun 2019 MPSP (*People Centric Budget*), MPSP akan memperbanyakkan program sejajar dengan *people centric*. Antaranya adalah:-

- I. Program-program pembinaan infrastruktur dan taman rekreasi, iaitu Projek Robina Ecopark, Projek Jambatan Keretapi Pinang Tunggal dan Naik Taraf Kemudahan dan Infrastruktur Kawasan Pelancongan. MPSP juga akan memasang 15 set *outdoor gym* dan 11 unit alat permainan di Tempat-Tempat Rekreasi Awam dan Sukan, Selain itu, Alat-Alat Sukan dan Olahraga serta kelengkapan gimnasium akan dibeli dalam projek penyelenggaraan dan pembaikan Kompleks Sukan MPSP.

- II. MPSP menasarkan 50,000 pokok ditanam sebelum tahun 2022 dan anggaran pokok akan ditanam setiap tahun adalah berjumlah 10,000 batang pokok. Penanaman pokok adalah penting dalam mengimbangi pelepasan karbon melalui penghasilan oksigen. Sehingga 7 September 2018, jumlah pokok yang telah ditanam di seluruh Seberang Perai adalah 255,315 batang pokok.
- III. MPSP akan terus berkerjasama dengan rakan strategik seperti Think City untuk mengadakan program Fun Walk, Fun Ride, I Love Penang Run - Seberang Perai, Province Wellesley Run (PWR), Temasya Bagan termasuk Car Free Evening dan Sungai Perai Nature Walk. Di samping itu, MPSP juga akan mengadakan *Car Free Night* atau malam bebas kenderaan bagi menggalakkan penduduk Seberang Perai beriadah bersama keluarga dan menjalankan aktiviti-aktiviti seperti *zumba*, *busking*, kesenian, kebudayaan dan lain-lain. Dengan ini, ia dapat menepati kehendak *people centric* yang memberi keutamaan kepada warga emas, remaja, kanak-kanak dan dewasa.

- IV. MPSP akan meneruskan penganjuran Butterworth Fringe Festival (BFF) di mana festival ini menyediakan persembahan dari dalam dan luar negara serta pelbagai aktiviti dan program berbentuk kesenian, kebudayaan dan warisan akan diadakan. Pada tahun ini, BFF akan diadakan pada 1 dan 2 Disember agar dapat menarik lebih ramai pengunjung hadir ke festival ini.
- V. Pada tahun 2019 juga, MPSP akan mengadakan Hari Warisan Seberang Perai dan Pesta Pantai bagi memperkenalkan budaya dan warisan Seberang Perai serta menarik pelancong ke Seberang Perai.
- VI. MPSP akan memperkenalkan dan membangunkan ruang pelbagai guna untuk menambah tempat-tempat niaga, ruang bersenam dan bersukan, ruang sosial seperti perkahwinan dan pelbagai acara. Peringkat permulaan lima (5) lokasi akan dipilih berdasarkan kesesuaian.
- VII. MPSP akan meneruskan Hari Mesra Pelanggan setiap tiga (3) bulan dengan memberi penekanan “Anda Ada Masalah Kami Permudah”; “Anda Buntu Kami Bantu”. Pasukan khas daripada pelbagai jabatan akan ditubuhkan untuk memberi fokus kepada



isu pelesenan, binaan tanpa kebenaran, tempat letak kereta dan isu-isu perbandaran.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

MPSP juga telah merangka Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022 yang menetapkan sasaran untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang tahun 2022. Dengan menjadikan “*Seberang Perai is For All*” sebagai *guiding principal*, MPSP memacu ke arah inklusif dengan visi “***Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau dan Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu Oleh Teknologi***”. Ianya menggambarkan komitmen serta usaha yang digembleng oleh MPSP dalam merangka strategi ke arah mewujudkan sebuah Bandaraya Rendah Karbon yang berdaya huni dan juga mendokong hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadi negeri hijau yg pertama di Malaysia.

Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022 adalah satu perancangan atau komitmen MPSP kepada semua pelanggan, *stakeholders*, warga Seberang Perai dan Kerajaan Negeri dalam menjayakan Visi dan Misi MPSP, dan seterusnya menjadikan MPSP sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang terbuka, interaktif, cekap dan mendapat sokongan ‘*civil society*’. Ianya adalah untuk meningkatkan kesedaran komuniti setempat dalam mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif sejajar dengan seruan

Kerajaan Negeri dalam mewujudkan Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar.

Dalam mencapai sasaran, MPSP telah menetapkan lima (5) strategi iaitu: -

Strategi 1 : Pengangkutan Hijau (*Low Emission Transportation*)

Strategi 2 : Bangunan Hijau (*Low Emission Building*)

Strategi 3 : Infrastruktur Hijau (*Low Emission Infrastructures*)

Strategi 4 : Penghasilan dan Penggunaan Mampan  
(*Sustainable Production and Consumptions*)

Strategi 5 : Kehijauan dan Penyerapan (*Greenery and Sequestrations*)

MPSP juga akan mewujudkan *smart environment* serta *smart people* yang mengambil bahagian dalam pengurusan bandar. Dengan meningkatnya *mobility* dan *connectivity*, MPSP akan menerajui transformasi digital untuk menjadi Pihak Berkuasa Tempatan yang pintar, pantas dan saling berhubung.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

Wanita merupakan sebahagian besar daripada populasi masyarakat di Seberang Perai. Mengikut sumber Jabatan Perangkaan Malaysia, pada tahun 2017, 49.5% (468,369 orang) daripada keseluruhan jumlah penduduk di Seberang Perai (946,200 orang) sahaja terdiri daripada golongan wanita.

Wanita bukan hanya berperanan dalam rumahtangga, bahkan wanita juga memainkan peranan yang besar dalam memartabatkan bangsa. Peranan wanita dalam menyumbang dan membangunkan masyarakat dan negara tidak dapat dinafikan baik dari segi pendidikan, ekonomi, politik dan juga sosial. Malah dari segi agama Islam sendiri, wanita merupakan tonggak dan berkepentingan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab. Pepatah menyebut, "*wanita yang menghayunkan buaian boleh menggoncangkan dunia*". Hari ini wanita memainkan peranan besar dalam membantu pembangunan dan daya saing kebanyakan negara.

Peningkatan dalam penyertaan wanita sebagai usahawan menunjukkan bahawa penglibatan wanita dalam aktiviti pembangunan negeri semakin menyerlah dan kian positif. Ini dibantu oleh pembangunan negeri yang banyak membuka peluang dan ruang bagi wanita mempertingkatkan pencapaian mereka dalam pelbagai bidang dan aktiviti di

samping membuka dan menyahut cabaran yang lebih besar untuk terus berperanan dan berjaya selaras dengan proses pembangunan negeri.

Kerajaan sentiasa menggalakkan penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan melalui pelbagai program dan insentif serta latihan keusahawanan yang dianjurkan pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Kesemua program itu diadakan khusus untuk usahawan wanita sebagai langkah pemerkasaan ekonomi wanita melalui peluang penjana pendapatan.

Hasilnya, dapat dilihat peningkatan jumlah wanita dalam pemilikan perniagaan terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) [yang merupakan firma-firma yang mempunyai jualan tahunan kurang daripada RM300,000.00 atau pekerja kurang daripada lima orang] semakin bertambah saban tahun, walaupun jumlahnya, masih di aras yang rendah. Hasil bancian ekonomi yang telah dijalankan pada 2016 menunjukkan bahawa daripada 907,065 PKS dalam Malaysia, sebanyak 20.6% yang bersamaan 186,855 PKS terdiri daripada perusahaan milik wanita.

Hari ini, tokoh-tokoh perniagaan wanita juga ramai yang menonjol antaranya Datuk Seri Hasmiza Othman, Faiza Bawumi Sayed Ahmad, Vivy Yusof dan Noor Neelofa Mohd Noor. Dan siapa tidak kenal dengan

Allahyarhamah Datuk Dr Maznah Hamid yang lebih dikenali sebagai *iron lady* dalam kecekalan dan kesungguhannya dalam pembangunan banyak perniagaan yang sehingga kini menjadi legasi, sekali gus sebagai contoh kepada wanita yang ingin menceburi bidang perniagaan. Di Pulau Pinang pula, tokoh-tokoh usahawan wanita yang berjaya adalah seperti Puan Juliana Binti Jamaluddin (Yusliana Skarf and Clothing), Cik Azila Binti Mahmood, Usahawan Kerepek Jenama Bronis dan Puan Halipah Binti Yusop (Ainaz Food Processing Enterprise), Usahawan Kuih Pau Sejuk Beku.

Ramai lagi usahawan-usahawan wanita di luar sana yang sedang mencipta nama dalam perniagaan untuk setanding bersama usahawan wanita berjaya pada masa akan datang.

Peratusan peningkatan penglibatan wanita dalam keusahawanan semakin meningkat saban tahun didorong pelbagai langkah kerajaan membantu golongan ini menerusi sektor perniagaan. Jumlah itu merupakan satu perkembangan yang baik kerana dapat dilihat lebih ramai wanita mula bergerak ke arah keusahawanan. Perkara ini didorong pelbagai program bimbingan dan bantuan kewangan yang disediakan kerajaan bagi membolehkan wanita memulakan berniaga, sekali gus menunjukkan wanita telah mula ambil peluang untuk memperkasakan diri menjadi penyumbang

ekonomi negara. Bagaimanapun, daripada jumlah itu, kebanyakan perusahaan wanita masih di takuk kecil atau mikro.

Kita mahu melihat ramai wanita berkecimpung dalam bidang perniagaan, berkembang dan berada dalam takuk sederhana atau besar. Dalam usaha meningkatkan jumlah itu, Ahli Majlis MPSP mengadakan program ini untuk membantu wanita membina minat dalam keusahawanan dan seterusnya berjaya mengembangkan dan kekal dalam perniagaan. Adalah diharapkan dengan sokongan dan bantuan yang berterusan daripada agensi-agensi berkaitan, wanita akan lebih ramai terlibat dalam perniagaan dan maju ke hadapan.

Agensi-agensi yang dapat membantu usahawan wanita dari segi latihan dan kewangan adalah MARA, PERDA, TEKUN, Amanah Ikhtiar, PDC, Skim Pinjaman Harapan (SPH) dan SME Corp.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

Saya berpendapat ramai wanita di luar sana ingin terlibat dalam perniagaan tetapi berhadapan cabaran berat iaitu komitmen keluarga dan kerja yang mencabar.

Program “Wanita Inspirasi Wanita” Anjuran Ahli Majlis merupakan program yang julung-julung kali diadakan di MPSP. Program ini memainkan satu peranan kecil dalam mendedahkan program-program keusahawanan yang terdapat di bawah agensi-agensi Kerajaan yang menyediakan banyak aktiviti latihan keusahawanan untuk menjadi usahawan yang berdaya maju dan berdaya saing, serta pakej-pakej usahawan untuk Bumiputera memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri keusahawanan.

Kebanyakan para usahawan menghadapi masalah kerana tiada perancangan jangka masa panjang dalam perniagaan. Bidang persaingan yang sengit dalam pasaran serta kekurangan modal permulaan malah sukar mendapat tapak berniaga. Terdapat juga usahawan yang tidak cukup pengalaman, pekerja serta latihan kemahiran malah untuk kaum ibu menghadapi kesukaran untuk penjagaan anak-anak ketika keluar berniaga.

Program ini menggalakkan kaum wanita menceburi bidang keusahawanan, mewujudkan para usahawan serta meningkatkan kecekapan dan pengukuhan diri seseorang usahawan.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

Program hari ini melibatkan penyertaan daripada Persatuan-Persatuan Belia, dan usahawan-usahawan seramai lebih kurang 200 orang. Tiga (3) penceramah telah dijemput untuk member ceramah iaitu:-

- i. Puan Noor Hafiza Bt Ismail, Ketua Unit Pembiayaan MARA Pulau Pinang;
- ii. Cik Massuria Bt Hussin. Penolong Pengurus Kanan, Pembangunan Usahawan PERDA; dan
- iii. Cik Azila Binti Mahmood, seorang usahawan wanita yang berjaya dalam Produk Kerepek Bronis.

Selain itu satu tayangan slide berhubung satu ikon usahawan wanita yang berjaya juga akan ditayangkan.

Semoga program keusahawanan seperti yang dianjurkan ini dapat membantu dan memberi inspirasi kepada individu, wanita, belia serta para usahawan yang mahu mendapatkan pendapatan melalui perniagaan. Ianya diharapkan dapat menyediakan peluang dan platform perniagaan kepada mereka yang bekerja dan ingin mendapatkan pendapatan sampingan atau



ingin berhenti kerja dan memerlukan sokongan, panduan dan jalan untuk menjalankan perniagaan. Program ini juga dapat membimbing para usahawan yang baru berkecimpung serta membina platform yang telus untuk memastikan perniagaan dijalankan dengan tepat, baik, dan berkesan serta tidak menyalahi undang-undang negara.

Adalah juga diharapkan agar kementerian berkaitan dapat membangunkan dasar dan polisi yang jelas agar dapat melahirkan lebih ramai usahawan yang berjaya selain mengembangkan sektor sedia ada. Diharapkan juga agensi-agaensi kerajaan menyediakan ruang dan peluang untuk usahawan baru terutama usahawan wanita dan belia agar wanita lebih kreatif dan mampu bersaing dalam dunai perniagaan. MPSP akan sentiasa memberi kerjasama dengan mempertingkatkan lagi kecekapan sistem penyampaian perkhidmatannya. MPSP mempermudah proses pemerolehan lesen serta memendekkan tempoh pengeluaran lesen am, penjaja dan juga industri apabila syarat-syarat pelesenan ditunaikan oleh pemohon.

***Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**Sekian, terima kasih.**